



JTKSM 1568

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
Department of Labour Peninsular Malaysia, Ministry of Human Resources

AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981
Private Employment Agencies Act 1981

LESEN A
Licence A

- (1) Lesen ini dikeluarkan di bawah seksyen 9A(1) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 untuk menjalankan urusan agensi pekerjaan swasta di:-
This license is issued under section 9A(1) of the Private Employment Agencies Act 1981 to conduct matters relating to private employment agencies at:-

AGENSI PEKERJAAN MPS GLOBAL SDN. BHD.
202401009318 (1555168-H)

Nama Agensi
Name of Agencies
Di alamat
at

**NO.32-A TINGKAT 1, JALAN KEMUNING PRIMA C 33/C, SEKSYEN 33
40400 SHAH ALAM, SELANGOR**

- (2) Pemegang lesen ini boleh menjalankan aktiviti merekrut bagi pencari kerja di dalam Malaysia.
The holder of this license is allowed to carry out recruitment activities for a job seeker within Malaysia.
- (3) Lesen ini adalah sah dari **01 FEBRUARI 2025** sehingga **31 JANUARI 2027**
*This licence is valid from **01 FEBRUARY 2025** until **31 JANUARY 2027***



KAMAL BIN PARDI
Ketua Pengarah Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia
Director General of Labour
Peninsular Malaysia



Ruj.: JTKSM.600-5/7/1801 (4)

Tarikh: 6 Februari 2025

AGENSI PEKERJAAN MPS GLOBAL SDN. BHD.

No.32-A Tingkat 1,
Jalan Kemuning Prima C 33/C,
Seksyen 33, 40400 Shah Alam, Selangor

Tuan,

PERMOHONAN UNTUK SUATU LESEN DI BAWAH AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981: Penyerahan Lesen Baharu Agensi Pekerjaan Swasta

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa lesen Agensi Pekerjaan Swasta tuan telah **diluluskan** seperti butiran berikut:

- 2.1 No. Lesen : **JTKSM 1568**
- 2.2 Kategori Lesen : **A**
- 2.3 No. Siri : **03070**
- 2.4 Tempoh sah : **01/02/2025 -31/01/2027**

3. Kelulusan lesen ini membolehkan tuan untuk mengendalikan aktiviti agensi pekerjaan swasta tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] seperti berikut:

- 3.1 Mengemukakan penyata yang lengkap bagi setiap bulan melalui **Borang 8, 9, 10 dan 11**. Penyata hendaklah dikemukakan kepada **Pejabat Tenaga Kerja Cawangan** pada setiap **15 Januari dan 15 Julai** atau pada bila-bila masa sekiranya diarahkan oleh Ketua Pengarah. Borang 8, 9, 10 dan 11 boleh dimuat turun daripada laman sesawang www.jtksm.mohr.gov.my.
- 3.2 Sekiranya tiada pendaftaran dan/ atau penempatan berlaku dalam sesuatu bulan atau tempoh suku tahun, tuan hendaklah mengemukakan penyata dengan menyatakan '**TIADA (NIL)**' dalam Borang yang berkenaan.
- 3.3 Sepanjang tempoh sah lesen, Agensi tuan hendaklah **AKTIF dalam menjalankan aktiviti pendaftaran dan penempatan pencari kerja tempatan.**
- 3.4 Perpindahan ke premis baharu hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja terlebih dahulu.

- 3.5 Perubahan ahli lembaga pengarah, pengarah yang bertanggungjawab bagi agensi, pemegang saham atau nilai saham hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja.
 - 3.6 Permohonan untuk memperbaharui lesen hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Tenaga Kerja Cawangan **sekurang-kurangnya 60 hari sebelum tamat tempoh lesen**. Senarai semak dan borang permohonan pembaharuan lesen boleh dimuat turun daripada laman sesawang **www.jtksm.mohr.gov.my**.
 - 3.7 Memastikan Agensi tuan hanya menjalankan aktiviti yang dibenarkan berdasarkan kategori lesen Agensi seperti di **Lampiran**.
 - 3.8 Mematuhi Penetapan Syarat-Syarat Lesen Agensi Pekerjaan Swasta di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246].
4. Bagi sebarang maklumat lanjut berkaitan lesen Agensi Pekerjaan Swasta boleh diperoleh melalui Garis Panduan dan Arahan Ketua Pengarah yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang **www.jtksm.mohr.gov.my**.

Perhatian pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Pemangkin Wadah Malaysia Madani”

Saya yang menjalankan amanah,



(ROSLEE SABARUDDIN ABU)
b.p. Ketua Pengarah Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia

s.k.: **Pengarah**
Jabatan Tenaga Kerja Selangor

Ketua Pejabat
Pejabat Tenaga Kerja Subang Jaya